

**BORANG PERMOHONAN LESEN SMART TRAK BARANGAN DAN PERKHIDMATAN**

**HARGA RM 5.00**



**NO. AKAUN LESEN**

**JABATAN PERLESENAN  
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR  
JALAN BUKIT KERAJAAN  
44000 KUALA KUBU BHARU  
TEL : 03-60641331 FAKS : 03-60641432**

**NAMA PERNIAGAAN / SYARIKAT :** \_\_\_\_\_

**LOKASI PERMOHONAN :** \_\_\_\_\_

**JENIS JUALAN :** \_\_\_\_\_

**SILA TANDAKAN ( √ ) PADA KOTAK BERKENAAN .**

**JENIS TAPAK :**  **TAPAK AWAM**  **TAPAK PERSENDIRIAN**  **FESTIVAL**

**KENDERAAN :**  **ADA**  **TIADA**

**UNTUK KEGUNAAN PENERIMAAN BORANG KAKITANGAN DI KAUNTER**

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Cop Terima

**SALINAN PEMOHON**



**AKAUN PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN LESEN TRAK MAKANAN**

Maklumat permohonan ( No. Akaun : \_\_\_\_\_ )

Sebarang maklumat mengenai permohonan anda boleh berurusan di Jabatan Pelesenan selepas 2 minggu dari tarikh borang dihantar dengan menghubungi talian berikut : 03-60641331 sambungan 131 / 132 / 159 / 160 / 189 .


Tandatangan : \_\_\_\_\_

Borang ini diterima oleh : \_\_\_\_\_

Cop Terima

# PROSES KERJA PERMOHONAN LESEN SMART TRAK BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

## BAHAGIAN A



## SENARAI SEMAK DOKUMEN

### BAHAGIAN B

**SILA TANDAKAN ( √ ) PADA KOTAK BAGI MEMASTIKAN TUAN TELAH MENGHANTAR DOKUMEN SOKONGAN YANG LENGKAP. PERMOHONAN YANG TIDAK DISERTAKAN DOKUMEN SOKONGAN YANG LENGKAP AKAN DITOLAK .**

### SENARAI SEMAK PERMOHONAN TAPAK AWAM PEMILIKAN TUNGGAL / PERKONGSIAN .

- |   |   |
|---|---|
| <input type="checkbox"/> Salinan Mykad ( Kad Pengenalan Malaysia ) .                      | <input type="checkbox"/> Maklumat Perniagaan .        |
| <input type="checkbox"/> Pendaftaran SSM , Borang D ( Perakuan Pendaftaran Perniagaan ) . | <input type="checkbox"/> Kertas Cadangan Perniagaan . |
| <input type="checkbox"/> Maklumat Pemilik Masa Kini .                                     | <input type="checkbox"/> Suntikan Typhoid .           |
| <input type="checkbox"/> Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Minuman .                  |   |

### SENARAI SEMAK PERMOHONAN TAPAK PERSENDIRIAN SDN BHD .

- |   |   |
|---|---|
| <input type="checkbox"/> Salinan Mykad ( Kad Pengenalan Malaysia ) .              | <input type="checkbox"/> Borang 24 ( Pemegang Saham ) .           |
| <input type="checkbox"/> Borang 9 ( Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian ) .  | <input type="checkbox"/> Borang 49 ( Pemilikan Syarikat ) .       |
| <input type="checkbox"/> MAA ( Memorandum And Articles Of Association ) – 1 Set . | <input type="checkbox"/> Kertas Cadangan Perniagaan .             |
| <input type="checkbox"/> Suntikan Typhoid .                                       | <input type="checkbox"/> Perjanjian Penyewaaan ( Dimatikan Stem ) |
| <input type="checkbox"/> Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Minuman .          |   |

### SENARAI SEMAK PERMOHONAN PERMIT TRAK BERGERAK .

- |  |   |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> Senarai Nama Setiap Peniaga Trak Bergerak .                             | <input type="checkbox"/> Gambar Dan Pelan Lokasi Aktiviti .   |
| <input type="checkbox"/> Salinan Mykad ( Kad Pengenalan Malaysia) Setiap Peniaga Trak Bergerak . | <input type="checkbox"/> Surat Kelulusan Atau Kebenaran Daripada Pemilik Tanah . ( Jika Berkaitan ) . |
| <input type="checkbox"/> Surat Rasmi Untuk Adakan Aktiviti .                                     | <input type="checkbox"/> Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Minuman .                              |
| <input type="checkbox"/> Suntikan Typhoid .  |   |



## BORANG PERMOHONAN TRAK BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

### BAHAGIAN C

#### **BAHAGIAN 1 : DATA PEMOHON ( PERNIAGAAN / SYARIKAT ) .**

1. Jenis Permohonan :  Permohonan Baru  Pembaharuan

#### **BAHAGIAN 2 : DATA PEMOHON ( PERNIAGAAN / SYARIKAT ) .**

2. No Pendaftaran Perniagaan / Syarikat :

3. Nama Perniagaan / Syarikat :

4. Alamat tetap surat menyurat :

5. Nombor Telefon :

6. Alamat E-mel :

7. Jenis Pemilikan :

Pemilikan Tunggal .

Perkongsian Tidak Terhad .

Sdn Bhd .

Perkongsian Terhad .

#### **BAHAGIAN 3 : MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON .**

8. Nama Pemohon :

9. No. Mykad :

10. Alamat Kediaman :



## BORANG PERMOHONAN TRAK BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

11. Status Perkahwinan :

Bujang

Berkahwin

12. Maklumat Pasangan  
( Jika Berkaitan ) :

Nama Pemohon :

Mykad :

### **BAHAGIAN 4 : BUTIR-BUTIR PERMOHONAN PERMIT TRAK BERGERAK .**

1. Alamat tempat  
aktiviti dijalankan :

2. Tarikh mula aktiviti :

3. Tarikh tamat aktiviti :

4. Masa mula :

5. Masa tamat :

### **PENGAKUAN PEMOHON**

Saya \_\_\_\_\_ No K/P \_\_\_\_\_  
mengakui bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar. Saya berjanji akan mematuhi segala syarat dan peraturan undang-undang yang berkaitan dalam pengeluaran lesen .

Saya bersetuju sekiranya maklumat yang diberikan adalah palsu atau saya gagal mematuhi syarat-syarat pengeluaran lesen, Pihak Berkuasa Melesen Majlis Daerah Hulu Selangor berhak untuk membatalkan permohonan lesen ini .

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pemohon dan  
Cop Syarikat

\_\_\_\_\_  
Tarikh Permohonan



BAHAGIAN D

**GAMBAR LOKASI UNTUK PERMOHONAN TAPAK PERSENDIRIAN SDN BHD .**

1. GAMBAR TAPAK PANDANGAN HADAPAN .

SILA TAMPAL GAMBAR DISINI

2. GAMBAR TAPAK PANDANGAN SISI KIRI .

SILA TAMPAL GAMBAR DISINI



**GAMBAR LOKASI UNTUK PERMOHONAN TAPAK PERSENDIRIAN SDN BHD .**

3. GAMBAR TAPAK SISI KANAN .

SILA TAMPAL GAMBAR DISINI

4. PELAN LOKASI TAPAK PERNIAGAAN HENDAKLAH DITANDA DENGAN JELAS .

SILA TAMPAL GAMBAR DISINI



BAHAGIAN E

**SILA LENGKAPKAN GAMBAR IKLAN PADA BADAN KENDERAAN YANG AKAN DIPAMERKAN JIKA ADA .**

1. GAMBAR SISI KIRI IKLAN PADA KENDERAAN .

SILA TAMPAL GAMBAR DISINI

2. GAMBAR SISI KANAN IKLAN PADA KENDERAAN .

SILA TAMPAL GAMBAR DISINI





**BAHAGIAN F**

**SILA LENGKAPKAN GAMBAR REKA BENTUK DALAMAN KENDERAAN JIKA ADA .**

1. GAMBAR REKA BENTUK KENDERAAN .

SILA TAMPAL GAMBAR DISINI

2. GAMBAR REKA BENTUK KENDERAAN .

SILA TAMPAL GAMBAR DISINI

**BAHAGIAN G**

**( GARIS PANDUAN SMART TRAK BANGUNAN DAN PERKHIDMATAN )**

**1.0 KATEGORI PERMIT :**

**1.1 KATEGORI 1 ( PERMIT UNTUK KELULUSAN PERSENDIRIAN )**

- 1.1.1 Permit di atas nama individu / Pendaftaran Perniagaan Pemilikan Tunggal ( ROB ) .
- 1.1.2 Lokasi di tanah awam dan persendirian .

**1.2 KATEGORI 2 ( PERMIT KELULUSAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN DAN SYARIKAT )**

- 1.2.1 Permit di atas nama PERNIAGAAN dan SYARIKAT .
- 1.2.2 Lokasi di tanah persendirian SAHAJA .

**2.0 KATEGORI KENDERAAN :**

**2.1 KATEGORI 1 ( TRAK MENJUAL BARANGAN , PERKHIDMATAN ) .**

- 2.1.1 Menjual barangan dan perkhidmatan yang diluluskan oleh pihak Majlis .

**3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PERMIT :**

- 3.1 Dokumen yang perlu dilampirkan semasa menghantar borang permohonan tapak perniagaan :-

- 3.1.1 Pendaftaran Perniagaan .
- 3.1.2 Salinan Mykad ( Kad Pengenalan Malaysia ) .
- 3.1.3 Kertas Kerja yang menerangkan Konsep Jualan .
- 3.1.4 Lokasi yang dipohon .

**4.0 SYARAT-SYARAT PERMIT :**

- 4.1 Permit dikeluarkan oleh pihak Majlis berdasarkan satu permit bagi satu kenderaan .
- 4.2 Permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah mengikut lokasi perniagaan yang telah ditetapkan dan diluluskan .
- 4.3 Perniagaan hendaklah dijalankan oleh pemegang permit sendiri dan di lokasi yang telah diluluskan sahaja .
- 4.4 Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur binaan di tapak perniagaan .
- 4.5 Pelekat akan diberikan kepada kesemua Perniagaan Trak Barangan dan Perkhidmatan apabila kelulusan telah dikeluarkan . Pelekat trak makanan dan perniagaan dibezakan melalui reka bentuk dan warna pelekat .
- 4.6 Pelekat wajib ditampal pada badan kenderaan di mana ianya boleh dilihat dengan jelas oleh pelanggan dan agensi penguatkuasaan dan ianya tidak boleh ditanggalkan sehingga tarikh luput ataupun sehingga kelulusan ditarik semula .
- 4.7 Setiap perubahan reka bentuk perlulah mendapat pengesahan daripada pihak Majlis .
- 4.8 Setiap perubahan pelan perniagaan mestilah diberitahu secara bertulis kepada pihak Majlis dan akan dikenakan fi pemprosesan .
- 4.9 Kelulusan hanyalah untuk kenderaan yang didaftarkan sahaja dan tidak boleh dipindah milik untuk kenderaan lain .
- 4.10 Pindah milik permit adalah tidak dibenarkan .
- 4.11 Kelulusan adalah tertakluk kepada mana-mana syarat tambahan yang ditetapkan oleh pihak Majlis .
- 4.12 Permohonan pembaharuan permit perlulah dibuat 30 hari sebelum tarikh permit tamat berserta surat pemeriksaan Puspakom terkini yang masih sah semasa permohonan .
- 4.13 Majlis berhak membatalkan permit berkenaan jika peniaga gagal menjalankan perniagaan selama tempoh 3 bulan berturut-turut .
- 4.14 Peniaga adalah diwajibkan untuk menggunakan pembungkusan makanan biodegradable sahaja . Penggunaan polisterin adalah dilarang sama sekali .
- 4.15 Peniaga wajib memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Melesen melalui surat ataupun e-mel sekiranya telah memulakan operasi perniagaan untuk kali pertama atau menamatkan perniagaan .

**( SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SMART TRAK BARANGAN DAN PERKHIDMATAN ) .**

**5.0 WAKTU OPERASI :**

**5.1 Waktu operasi bagi** Perniagaan Trak Barangan dan Perkhidmatan **adalah dikhaskan untuk waktu berikut :**

BIL	SESI	MASA	TEMPOH
1	SESI I	6.00 PAGI – 10.00 PAGI	4 JAM
2	SESI II	11.00 PAGI – 3.00 PETANG	4 JAM
3	SESI III	5.00 PETANG – 2.00 PAGI	9 JAM

**6.0 PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN :**

6.1 Pihak berkuasa melesen atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa boleh mengambil tindakan sekiranya terdapat pelanggaran syarat seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis .

6.2 Pematuhan kepada syarat-syarat permit yang ditetapkan oleh pihak Majlis .

- 6.2.1 Pemeriksaan permit perniagaan .
- 6.2.2 Waktu perniagaan .
- 6.2.3 Permit perlu dipamerkan .
- 6.2.4 Lokasi perniagaan .
- 6.2.5 Aspek kebersihan dan kesihatan .
- 6.2.6 Halangan dan kacau ganggu .
- 6.2.7 Menjalankan perniagaan di dalam petak yang diluluskan sahaja .
- 6.2.8 Lain-lain syarat-syarat yang dikenakan dari semasa ke semasa .

**7.0 KEBERSIHAN :**

**7.1 SAMPAH DAN MATERIAL KITAR SEMULA .**

- 7.1.1 Peniaga adalah diwajibkan menyediakan tong sampah bertutup bersesuaian dengan operasi menu makanan dan tong sampah berkenaan hendaklah sentiasa berada di atas kenderaan .
- 7.1.2 Peniaga adalah diwajibkan menyediakan tong sampah di luar kenderaan untuk kegunaan pelanggan membuang bungkusan makanan yang telah dimakan .
- 7.1.3 Sampah yang dihasilkan tidak boleh dilupuskan di tong sampah awam ( tong sampah persendirian milik premis ) .
- 7.1.4 Peniaga adalah digalakkan melakukan kitar semula bahan buangan .

**7.2 PENGURUSAN SISA DAN SISA KITAR SEMULA :**

- 7.2.1 Peniaga Perniagaan Trak Barangan dan Perkhidmatan adalah bertanggungjawab terhadap sisa buangan hasil daripada operasi perniagaan mereka . Sampah seperti bekas dan plastik pembungkusan makanan mestilah dilupuskan sendiri .
- 7.2.2 Tidak dibenarkan meninggalkan apa-apa sampah di lokasi perniagaan . Semua sampah hendaklah dilupuskan oleh peniaga .
- 7.2.3 Kawasan perniagaan hendaklah berada dalam keadaan kemas dan bersih selepas setiap sesi perniagaan .
- 7.2.4 Tiada apa-apa bahan buangan cecair boleh dilepaskan ke atas tanah ataupun ke dalam longkang di tapak perniagaan .
- 7.2.5 Pelan pembuangan sampah dan pengurusan sisa cecair mestilah dihantar semasa menghantar borang permohonan .

**8.0 KACAU GANGGU :**

**8.1 HAIWAN .**

- 8.1.1 Peniaga bertanggungjawab dengan apa-apa cara yang bersesuaian untuk menghalang haiwan serangga dan unggas seperti lalat , nyamuk , semut dan burung daripada memasuki kenderaan .

- 8.1.2 Tiada seekor haiwan pun yang dibenarkan masuk ke dalam kenderaan sama ada ketika kenderaan itu sedang beroperasi atau tidak beroperasi .

## **GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SMART TRAK BARANGAN DAN PERKHIDMATAN**

### **8.2 PENCEMARAN BUNYI , AIR DAN UDARA :**

- 8.2.1 Pencemaran bunyi , air dan udara perlulah mengikut standard yang dibenarkan oleh Akta Alam Sekitar .
- 8.2.2 Sekiranya terdapat aduan mengenai kacau ganggu oleh mana-mana pegawai yang berkelayakan , pegawai Majlis boleh mengarahkan operator untuk menghentikan perniagaan ataupun mengurangkan punca-punca yang menyebabkan kacau ganggu berkenaan .
- 8.2.3 Sekiranya didapati pada sesuatu masa trak perniagaan menghasilkan bunyi yang menimbulkan kacau ganggu , pegawai penguatkuasa boleh mengarahkan supaya trak berkenaan beredar ataupun menyuruh aktiviti yang menghasilkan tersebut dihentikan .
- 8.2.4 Generator haruslah daripada jenis senyap seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melesen .

### **9.0 PENGWALAN PENCEMARAN :**

- 9.1 Operator haruslah mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ( Akta 127 ) yang mengandungi peraturan mengenai pencemaran bunyi , air dan udara .

### **10.0 RUANG PENGUDARAAN :**

- 10.1 Kabin memasak perlulah mempunyai ruang pengudaraan yang baik sepanjang masa. Kipas ekzos hendaklah dipasang menghala ke atas menerusi siling kabin .
- 10.2 Alat penapis udara perlulah dipasang untuk memastikan kekotoran tidak terperangkap ke dalam saluran kipas ekzos .
- 10.3 Alat pengudaraan berkenaan mestilah sentiasa dibersihkan dan beroperasi dengan baik .

### **11.0 PENCAHAYAAN :**

- 11.1 Lampu yang dipasang di kenderaan mestilah tidak mengganggu keadaan sekeliling dan keadaan trafik di jalan raya .
- 11.2 Penggunaan lampu ketika kenderaan bergerak perlulah mematuhi syarat JPJ .

## **( SYARAT AM REKA BENTUK KENDERAAN TRAK MAKANAN ) .**

### **12.0 DIMENSI TRAK :**

- 12.1 Saiz dimensi trak mestilah mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan ( JPJ ) .

### **13.0 LANTAI KENDERAAN :**

- 13.1 Lantai kenderaan hendaklah dibuat dari material tahan lasak , tidak licin , tahan karat , mudah dicuci dan boleh menampung operasi kerja berat sesuai dengan aktiviti perniagaan .

### **14.0 SALURAN PAIP DAN PENDAWAIAN :**

- 14.1 Saluran paip dan pendawaian hendaklah disembunyikan di belakang dinding, siling dan lantai .
- 14.2 Paip-paip dan pendawaian ini tidak boleh diletakkan di laluan pergerakan peralatan dan perabot .

### **15.0 PEMASANGAN PERALATAN :**

- 15.1 Pemasangan apa-apa peralatan kepada siling , dinding ataupun lantai hendaklah dibuat dengan cara yang tidak merosakkan permukaan siling , dinding , ataupun lantai tersebut .

### **16.0 PENYELENGGARAAN KENDERAAN :**

- 16.1 Kenderaan hendaklah di selenggara dengan baik daripada segi kebersihan dan operasi dengan memastikan tiada kekotoran , bau dan lain pencemaran pada kenderaan .
- 16.2 Kenderaan perlu menjalani pemeriksaan berkala ( 6 bulan sekali ) di PUSPAKOM .

**17.0 PEMERIKSAAN KENDERAAN :**

- 17.1 Setiap pemilik perniagaan bergerak mestilah menghantar kenderaan untuk diperiksa daripada aspek kesihatan dan keselamatan sebelum diluluskan dari masa ke semasa seperti yang dikehendaki oleh pihak Majlis . Temu janji pemeriksaan perlulah dibuat kepada Jabatan Kesihatan , Pihak Berkuasa Tempatan .
- 17.2 Pemeriksaan rawak akan diadakan oleh Pegawai-Pegawai majlis dari masa ke semasa .

**18.0 LARANGAN :**

**18.1 KERUSI DAN MEJA UNTUK PELANGGAN .**

- 18.1.1 Pemasangan kerusi dan meja untuk pelanggan adalah tidak dibenarkan sama sekali .

**19.0 IKLAN :**

**19.1 IKLAN PADA BADAN KENDERAAN .**

- 19.1.1 Hanya iklan yang berkaitan perniagaan yang dipermitkan sahaja di benar dipaparkan di badan kenderaan , walaupun untuk maksud sementara bagi tujuan promosi , pengiklanan pihak ketiga ataupun penajaan korporat .
- 19.1.2 Mana-mana operator yang hendak berbuat demikian perlulah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa melesen dan JPJ .
- 19.1.3 Iklan yang tidak berkaitan dengan aktiviti Perniagaan Trak Makanan , Barangan dan Perkhidmatan adalah tidak dibenarkan sama sekali .

**( SYARAT-SYARAT AM REKABENTUK KENDERAAN ) .**

**20.0 KEPERLUAN MINIMA :**

- 20.1 Susun atur reka bentuk kenderaan Perniagaan Trak arangan dan Perkhidmatan hendaklah dirancang dengan teliti dan haruslah mengambil kira aliran kerja yang selamat bagi meminimumkan risiko pencemaran .

**20.1.1 TRAK BARANGAN DAN PERKHIDMATAN .**

- 20.1.1 Ruang pengudaraan yang mencukupi .
- 20.1.2 Kadar pencahayaan yang mencukupi .
- 20.1.3 Lantai kenderaan hendaklah dibuat dari material tahan lasak , tidak licin , tahan karat, mudah dicuci dan boleh menampung operasi kerja berat sesuai dengan aktiviti perniagaan .

**( UNDANG-UNDANG BERKAITAN ) .**

**21.0 UNDANG-UNDANG BERKAITAN :**

- A. Akta Kerajaan Tempatan 1976 ( Akta 171 ) .
- B. Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 ( Akta 172 ) .
- C. Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 ( Akta 133 ) .
- D. UUK Pelesenan Tred Perniagaan Dan Perindustrian 2007 .
- E. UUK Establiment Makanan 2007 .
- F. UUK Pusat Kecantikan Dan Penjagaan Kesihatan 2013 .
- G. UUK Pengendali Makanan 2007 .
- H. UUK Iklan 2007 UUK Penjaja 2007 .
- I. Perintah Pengagkutan Jalan ( peruntukan tempat letak kereta ) 2007 .
- J. UUK Pemungutan , Pembuangan dan pelupusan sampah sarap 2007 .
- K. UUK Taman 2005 .
- L. Enakmen Hiburan Negeri Selangor 2003 .
- M. Lain-lain dasar , garis panduan , pekeliling , peraturan yang diguna pakai dari masa ke semasa .